

# MASIH TIADA KESEDARAN



UNDANG-undang telah dikuatkuasa dan dilaksanakan. Namun, ia masih tidak dapat mengubah sikap sebahagian besar masyarakat bagi menguruskan sampah dengan betul, terutama mengasingkan bahan kitar semula. Malah, ada yang bersikap lebih buruk dengan membuang sampah merata-rata walaupun pihak berkuasa telah menyediakan tong dan tempat pembuangan sampah yang sempurna. Ikuti laporan wartawan **ROZIANAH RISMAN** dan **FAIZAH IZZANI ZAKARIA** yang meninjau keadaan dan sikap masyarakat Malaysia terhadap pengurusan sampah serta kaedah pengasingan sisa pepejal.

## Penduduk malas, tidak asingkan sampah

**P**ELBAGAI inisiatif telah dilaksanakan dalam usaha meningkatkan amalan kitar semula dalam kalangan masyarakat negara ini.

Sejak dilancarkan secara rasmi program kitar semula di peringkat kebangsaan pada 2000, penerapan amalan 3R (Reduce, Reuse dan Recycle) dan pewartaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, kadar kitar semula di negara ini masih mengecewakan.

Setiap tahun dianggarkan sebanyak 2.3 juta tan bahan kitar semula dengan nilai mencecah RM900 juta dibuang ke tapak pelupusan sampah.

Jumlah pengeluaran sisa negara turut meningkat kepada 33,000 tan sehari pada 2013 berbanding 19,000 tan pada 2005.

Justeru mulai September tahun lalu, kerajaan telah mengambil langkah mewajibkan pengasingan sisa pepejal isi rumah secara berperingkat di negeri seperti Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah.

Persoalannya, adakah penduduk negara ini benar-benar mempunyai kesedaran dalam melaksanakan langkah tersebut.

Bagi melihat amalan pengasingan sisa pepejal dalam kalangan penduduk, penulis telah melakukan tinjauan di empat kawasan perumahan sekitar Pantai Dalam iaitu Perumahan Rakyat (PPR) Pantai Permai, PPR Seri Pantai, PPR Kampung Limau dan Taman Bukit Angkasa.

Hasil tinjauan mendapati meskipun tong kitar semula disediakan di kawasan perumahan berkenaan, namun bahan buangan dari rumah masih lagi tidak diasingkan.

Sisa pepejal seperti kertas, plastik dan lain-lain bahan kitar semula serta sisa baki makanan dilonggok sekali dalam satu tong sampah yang sama.

Malah ada juga sisa pepejal

yang dimasukkan ke dalam tong kitar semula tidak mengikut jenis dan kegunaan. Misalnya bahan kitar semula seperti botol plastik dibuang ke dalam tong yang sepatutnya diisi dengan sampah daripada kertas.

Paling mengecewakan terdapat sisa pepejal tidak dimasukkan ke dalam tong sampah yang disediakan, sebaliknya dibuang di tempat tidak sepatutnya sehingga menimbulkan gangguan bau dan mencacatkan pemandangan.

Namun, tidak semua yang bersikap sedemikian. Ada juga penduduk dan pekerja bahagian pembersihan yang prihatin mengasingkan bahan kitar semula yang telah dimasukkan ke dalam tong sampah.

Jika dilihat lokasi tong kitar semula, kedudukannya begitu hampir dengan tong sampah yang lain. Maklumat tentang kegunaan tong turut ada dinyatakan. Jadi, tiada alasan untuk tidak menggunakan kemudahan tersebut.

**SAMPAH** yang tidak dilonggok ke dalam tong di PPR Pantai Permai.

